

27 OCT 1997

CHOGM-Abdullah

MALAYSIA PUAS HATI CHOGM BINCANG SPEKULASI MATA WANG

Oleh: Wan A Hulaimi

EDINBURGH, 27 Okt (Bernama) -- Perisytiharan ekonomi yang dikeluarkan oleh Mesyuarat Ketua-Ketua Kerajaan Komanwel (CHOGM) di sini mengandungi satu mesej kepada semua negara yang terlibat bahawa ada pengajaran yang boleh diperolehi daripada apa yang telah berlaku ke atas Malaysia dan negara-negara lain di Asia Tenggara apabila mata wang mereka terjejas akibat spekulasi, kata Menteri Luar Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Abdullah berkata Malaysia berpuas hati kerana perenggan yang menyentuh pasaran mata wang itu telah dimasukkan ke dalamnya selepas disebut oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dalam ucapan permulaan untuk membuka perbahasan selepas pembukaan persidangan CHOGM Jumaat lepas.

"Penyertaan perenggan itu juga adalah hasil daripada usaha bersungguh-sungguh pegawai-pegawai kita di peringkat perbincangan," katanya kepada wartawan Malaysia di sini.

"Pandangan perdana menteri itu disambut baik oleh beberapa pemimpin dan mereka pun memberi pandangan yang sama juga, iaitu dari segi betapa pentingnya perhatian diberikan kepada krisis yang berlaku di Asia Tenggara dan betapa pentingnya kita mempelajari daripada apa yang berlaku," katanya.

Abdullah berkata ketua-ketua kerajaan Komanwel bersetuju supaya negara-negara Komanwel mengkaji apakah pengajaran yang boleh diperolehi daripada pengalaman pahit krisis mata wang baru-baru ini, khususnya bagaimana mereka boleh dilindungi daripada pergolakan yang menggugat kestabilan pasaran.

Menurut Abdullah, antara negara-negara yang bercakap tentang krisis mata wang ialah Kanada, Kenya, Pakistan, Sri Lanka dan Britain.

Walaupun perisytiharan itu tidak mempunyai kuatkuasa undang-undang, ia menyuarakan "pendirian pegangan bersama" negara-negara yang terlibat dalam perbincangan yang menghasilkan perisytiharan itu, katanya.

Ditanya apakah masalah utama ekonomi yang timbul di dalam perbincangan pada peringkat pertama, Abdullah berkata: "Banyak juga pemimpin yang mengambil bahagian mengenai globalisasi. Mereka menganggap globalisasi ini ada juga memberi banyak faedah."

Di samping itu juga, katanya, proses liberalisasi boleh menimbulkan masalah.

Yang penting ialah bagaimana sesebuah negara itu hendak mengendalikan peroses globalisasi supaya faedah diperolehi dan apa yang membawa kepada masalah itu dapat dielakkan, kata beliau.

Abdullah berkata ada satu cadangan daripada Australia untuk mengadakan kursus atau seminar untuk negara-negara kecil bagi membolehkan mereka memahami proses globalisasi itu dan mengenali faedah yang boleh didapati daripadanya, dan untuk memahami masalah yang boleh timbul.

Soal beban hutang juga, walaupun tidak dibincangkan, telah disebut oleh beberapa negara kerana ia masih menjadi masalah besar bagi negara-negara berkenaan, katanya.

Tentang persidangan CHOGM amnya, Abdullah berkata bahawa pada kali ini terdapat kesedaran untuk meningkatkan lagi kerjasama di bidang ekonomi.

"Saya lihat di dalam perbincangan ini tidaklah ada sikap berkonfrontasi antara negara-negara yang membangun dalam Komanwel dan negara-negara yang sudah maju, bahkan yang ada ialah satu sikap untuk bekerjasama, bertolak ansur dalam perbincangan," katanya.

Ketua-ketua kerajaan Komanwel kemudian "berundur" ke St Andrews, pusat golf yang masyhur, ke timur laut dari sini untuk meneruskan perbincangan

mereka dalam keadaan yang lebih terbuka sesama mereka tanpa diiringi oleh pembantu-pembantu.

Antara perkara-perkara yang dibincang oleh mereka di sana ialah soal keanggotaan baru kumpulan tindakan menteri-menteri Komanwel (CMAG) yang telah diamanatkan di Auckland untuk memastikan adanya pemerintahan baik di kalangan negara-negara Komanwel dan soal anggota-anggota baru Komanwel.

Persidangan CHOGM berakhir hari Ahad dengan pengeluaran suatu perisytiharan bersama. -- BERNAMA

WAH NMO